



NOTIS PEMBERITAHUAN KERJA-KERJA UNDI SESI 02/25

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Ipoh akan mengadakan cabutan undi bagi kerja-kerja undi bagi **Sesi 02/25**.

Kategori kerja-kerja undi pada sesi ini adalah seperti berikut:-

BIL	KATEGORI	KOD BIDANG
1.	KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM	CIDB CE21
2.	KERJA AM ELEKTRIK	CIDB E11

Syarat-syarat kelayakan bagi menyertai kerja-kerja undi adalah seperti berikut:-

- Mempunyai **Sijil PKK dan CIDB GRED G1** yang masih sah lakunya 60 hari dari tarikh pendaftaran kerja undi.
- Tidak mempunyai kerja semasa ketika pelaksanaan sesi kerja undi sehingga 02/25.
- Setiap kontraktor/ pembekal **hanya dibenarkan mendaftar penyertaan di bawah satu (1) kategori kerja-kerja undi sahaja.**
- Kerja undi dibawah **kategori CIDB** adalah terhad kepada **GRED G1 (KINTA)** dan bertaraf **Bumiputera** sahaja.
- Tidak mempunyai sebarang tunggakan (cukai taksiran/ kompaun/ sewaan/ semak samun) dengan **MBI**. Pembayaran boleh dibuat secara atas talian melalui laman sesawang <https://d.mbi.gov.my> (diproses 1-3 bekerja) atau di kaunter bayaran MBI dan Kaunter bayaran UTC (diproses 1 hari bekerja).
- Kontraktor/pembekal yang telah digantung, dikenakan tindakan tatatertib@penyenaraian hitam oleh pihak **CIDB/PKK/MBI** adalah **tidak dibenarkan** untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja undi ini.
- Kontraktor/pembekal yang bertaraf **Bumiputera** sahaja layak menyertai kerja-kerja undi ini.

Sehubungan dengan itu, kontraktor/ pembekal yang masih sah berdaftar dengan Majlis Bandaraya Ipoh sebagai kontraktor/ pembekal **MBI DENGAN STATUS PERMOHONAN LULUS** Sahaja yang layak untuk menyertai cabutan kerja undi ini. Untuk kontraktor/ pembekal yang **belum berdaftar** sebagai kontraktor/ pembekal dengan Majlis Bandaraya Ipoh, pendaftaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>

Kegagalan kontraktor mematuhi perkara seperti di atas akan menyebabkan kegagalan untuk menyertai cabutan undi ini.

TARIKH PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL DAN CABUTAN KERJA UNDI

TARIKH : 30 DISEMBER 2025 (SELASA)
MASA PENDAFTARAN : MULAI JAM 9.30 PAGI HINGGA 12.00 TENGAH HARI
TEMPAT : BALLROOM 3, TINGKAT 4,
PUSAT KONVENSYEN IPOH (ICC)

MASA CABUTAN KERJA UNDI AKAN DIMAKLUMKAN SEMASA PENDAFTARAN

Kontraktor hendaklah membawa **COP SYARIKAT** dan **DOKUMEN ASAL** serta salinan sijil berikut semasa pendaftaran:

- a. Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) beserta lampiran pemilik perniagaan;
- b. Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB);
- c. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
- d. Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU;
- e. Sijil Pematuhan Cukai LHDN (TCC) yang masih sah laku dan bersatus PATUH; dan
- f. Kad Pengenalan PENAMA YANG DIBERI KUASA DALAM LESEN. Wakil adalah tidak dibenarkan.

Hanya **PENAMA** yang tercatat di dalam sijil sahaja yang dibenarkan untuk mendaftar kerja undi dan Surat Kelulusan Kebenaran Khas CIDB bagi pengkhususan yang tidak didaftarkan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"IPOH BESTARI SEJAHTERA"

"IPOH BANDAR RAYA PELANCONGAN UTAMA NEGARA 2025"

"IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030"

Saya yang menjalankan amanah,


(ZAMAKHSHARI BIN HANIPAH)

Datuk Bandar Ipoh

NOTA :

Pihak Majlis akan menjemput wakil daripada Persatuan Kontraktor Melayu Negeri Perak, wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Ketua Unit Integriti, Majlis Bandaraya Ipoh bagi menyaksikan proses cabutan undi ini dan sebagai pemerhati.